

## **BAB PERTAMA**

### **PENDAHULUAN**

#### **1.1 Pengenalan**

Risalah yang dibawa oleh Rasulullah s.a.w telah menaikkan taraf wanita. Wanita Islam telah ditempatkan pada kedudukan yang mulia dan diberikan hak yang adil dan saksama dalam Undang-Undang Keluarga Islam. Islam memberikan hak kepada wanita dalam semua keadaan hidup berkeluarga iaitu ketika dalam pertunangan, perkahwinan, dan perceraian. Sebelum berkahwin, wanita diberi hak untuk memilih pasangan hidupnya. Setelah berkahwin, wanita yang bergelar isteri berhak mendapatkan mahr, nafkah, dan layanan serta pergaulan yang baik. Wanita juga boleh menuntut haknya untuk perkahwinan poligami dan dalam pemilikan harta. Apabila terjadinya perceraian antara suami isteri sama ada bercerai hidup, yang disebut janda atau bercerai mati yang disebut balu, mereka berhak mendapat hak yang sama iaitu hak berkahwin lagi selepas sempurna 'iddah, mendapatkan harta sepencarian dan penjagaan anak. Hak khusus bagi seorang janda pula ialah hak terhadap maskahwin yang belum dijelaskan dan hutang-hutang lain yang tertunggak, ruju', nafkah 'iddah dan tempat tinggal, nafkah anak dan mut'ah. Seorang balu pula berhak mewarisi harta peninggalan suaminya.

Begitulah hak-hak yang dinikmati oleh wanita Islam dalam Undang-Undang Keluarga Islam, namun demikian bukan semua wanita menyedari kewujudan hak-hak ini. Dan jika mengetahui sekalipun, mereka kurang faham tentang batas-batas hak dan kewajipan mereka secara mendalam.

Bertitik tolak dari keadaan ini, penulis merasa terdorong untuk membuat penyelidikan mengenai apakah hak-hak wanita Islam dalam Undang-Undang Keluarga Islam bermula masa pertunangan, setelah mendirikan rumah tangga menjadi isteri dan setelah berlaku perceraian dengan talaq raj'i atau bain atau kematian suami menjadi janda atau balu. Penulis juga akan menyelidik tentang sejauh mana pembelaan yang diperuntukkan oleh Enakmen Keluarga Islam di Malaysia, khususnya di Kelantan terhadap situasi yang dialami oleh mereka.

Sekalipun peruntukan mengenai hak-hak wanita ini ada diperuntukkan oleh Enakmen Keluarga Islam semua negeri di Malaysia, penulis mengkhususkan kajian kepada Enakmen Keluarga Islam di negeri Kelantan. Oleh itu dalam membuat penyelidikan mengenai hak-hak wanita yang diperuntukkan oleh undang-undang keluarga yang ada, Enakmen Keluarga Islam Negeri Kelantan menjadi rujukan penyelidikan, di samping tidak mengabaikan sebahagian Enakmen Keluarga Islam negeri-negeri lain apabila perlu disebutkan.

Dengan itu penyelidikan ini ialah "Hak-Hak Wanita Dalam Undang-Undang Keluarga Islam dan Enakmen Keluarga Islam di Malaysia: Rujukan Khusus Di Negeri Kelantan."

## **1.2 Skop Penyelidikan**

Kajian mengenai wanita adalah suatu yang penting kerana mereka merupakan sebahagian anggota dalam masyarakat yang sama-sama

dipertanggungjawabkan untuk membangunkannya. Mereka merupakan rakan kongsi kaum lelaki yang dibebankan dengan kerja dan tanggungjawab dan mempunyai hak-hak tersendiri. Daripada penelitian penulis, kajian mengenai wanita dalam Undang-Undang Keluarga Islam memang telah dibuat tetapi tumpuan penyelidikan tersebut biasanya kepada hak-hak wanita selepas perceraian atau kepada topik-topik tertentu daripada Undang-Undang Keluarga Islam atau kepada kajian kes-kes di tempat-tempat tertentu. Sebagai menambah khazanah penyelidikan ilmiah yang sedia ada maka penulis membuat penyelidikan mengenai hak-hak wanita dalam Undang-Undang Keluarga Islam dengan memilih Enakmen Keluarga Islam Negeri Kelantan 1983 sebagai kajian perbandingan.

Oleh itu dalam penyelidikan ini, penulis membuat kajian dalam bidang yang bersangkutan dengan hak-hak wanita dalam Undang-Undang Keluarga Islam dari peringkat pertunangan, perkahwinan dan perceraian, berdasarkan peruntukan yang termaktub dalam Al-Quran, Al-Hadith dan pendapat-pendapat ulama' Fiqh, dengan membuat kajian juga mengenainya dalam Enakmen Keluarga Islam di Malaysia, khususnya Enakmen Keluarga Islam di Kelantan.

Penyelidikan ini akan mengenal pasti hak-hak dan perlindungan yang diperuntukkan kepada wanita Islam di dalam Enakmen Keluarga Islam Kelantan 1983, sejauh mana ianya menepati dengan apa yang diberikan oleh Undang-Undang Keluarga Islam.

Penyelidikan ini cuba memastikan bahawa hak-hak yang diberikan oleh Islam dan yang tercatat dalam Enakmen Keluarga Islam Kelantan 1983 khususnya, difahami seterusnya dimanfaatkan oleh wanita-wanita bermula dari

peringkat mengikat tali pertunangan sehinggalah terbubaranya ikatan perkahwinan agar tampil menuntut hak mereka untuk mendapatkan pembelaan sewajarnya apabila menghadapi masalah yang membolehkan mereka menuntut hak mereka.

Oleh itu skop kajian ini adalah pendapat-pendapat ulama' Fiqh tentang wanita dan haknya serta peruntukan-peruntukan mengenainya yang tercatat dalam Enakmen Keluarga Islam Kelantan 1983.

### **1.3 Tujuan Penyelidikan**

Tujuan utama penyelidikan ini adalah untuk mengenal pasti hak-hak dan perlindungan yang diperuntukkan kepada wanita Islam sejak dari peringkat menjalin ikatan perjanjian untuk berkahwin, setelah berkahwin menjadi isteri, dan setelah ditinggalkan suami menjadi janda atau balu dalam Enakmen Keluarga Islam Kelantan 1983. Dengan itu dapatlah diketahui sejauh manakah peruntukan tersebut sejajar dengan peruntukan yang diberikan oleh hukum syara'.

Tujuan kedua ialah supaya kaum wanita dapat memahami apakah hak dan perlindungan yang diberikan dan yang berhak bagi mereka untuk menuntut ke pengadilan, kerana daripada kajian-kajian yang dilihat dan didengar, penulis mendapati hanya segelintir saja yang mengetahuinya secara mendalam.

Penyelidikan ini juga dibuat memandangkan ramai wanita yang dianiayai oleh suami mereka pada masa kini.. Mereka ditinggalkan tanpa nafkah, digantung tak bertali dan berbagai-bagai lagi penganiayaan yang dilakukan. Semua ini telah

menyeksa wanita zahir dan batin. Namun begitu, mereka berdiam diri, tanpa membuat pengaduan ke pengadilan.

Keadaan hidup sebahagian masyarakat Islam kini yang tidak mengamalkan ajaran Islam dalam kehidupan berkeluarga seperti yang digambarkan di atas mendorong penulis untuk mendedahkan ajaran Islam yang sebenarnya seperti mana yang dikehendaki Allah supaya hamba-hamba-Nya menjadikannya manhaj atau peraturan untuk hidup dan menjadikannya perundangan yang mengatur urusan kehidupan dan agar suami dan bapa menunaikan kewajipan mereka, dengan itu wanita telah memperolehi hak-hak mereka. Suasana yang harmoni ini akan mengelakkan daripada berlakunya perbalahan atau keadaan yang lebih buruk lagi antara lelaki dan perempuan, suami dan isteri. Semoga suasana kegembiraan, kemesraan dan keceriaan yang diselubungi dengan perasaan kasih sayang, rahmat-marahmati dalam hidup berkeluarga akan wujud. Ia merupakan satu kurniaan Allah yang dicampakkan ke dalam hati hamba-hamba-Nya yang dikehendaki-Nya dan menjadi satu tanda daripada tanda-tanda keagungan-Nya.

Hal di atas merupakan tujuan ketiga penyelidikan ini.

Tujuan keempat penyelidikan ini ialah untuk membuat penilaian sejauh mana benarnya dakwaan yang mengatakan bahawa sistem perundangan syari'ah, seperti yang diatitkan hari ini adalah amat kabur dan melemahkan daya keyakinan orang ramai untuk menggunakannya, terutama bagi pihak yang kurang berkemampuan atau yang tidak mempunyai pengetahuan dan maklumat memadai.<sup>(1)</sup> Juga dikatakan masalah sosial yang wujud masa kini adalah petanda bahawa pelaksanaan Undang-Undang Keluarga Islam adalah kurang berkesan.<sup>(2)</sup>

Dan tujuan kelima penyelidikan ini ialah untuk menegaskan kepada wanita Islam dengan disertakan dalil-dalilnya yang kukuh, bahawa Islam sebagai agama Allah adalah satu-satunya agama yang mengambil berat, bersimpati dan memuliakan wanita. Tidak ada mana-mana agama daripada agama-agama langit dan tidak ada undang-undang daripada undang-undang ciptaan manusia yang dapat memartabatkan kedudukan wanita dengan sepenuhnya sebagaimana yang diberikan oleh Islam.

#### **1.4 Kepentingan Kajian**

Antara kepentingan kajian ialah:

- 1.4.1 Kajian ini penting memandangkan belum ada kajian dalam skop seperti yang dilakukan.
- 1.4.2 Kajian diharap dapat menyumbangkan kepada masyarakat khususnya wanita Islam yang perlu peka terhadap hak-hak mereka.
- 1.4.3 Ia adalah amalan yang dapat memperkayakan bidang keilmuan sesuai dengan tuntutan agama Islam.

#### **1.5 Metodologi Penyelidikan**

Bagi menyiapkan penyelidikan ini, penulis menggunakan tiga metod utama, iaitu: metod penentuan subjek, metod pengumpulan data, dan metod analisis data. Di bawah ini akan diterangkan secara ringkas mengenai metod-metod tersebut.

### **1.5.1 Metod Penentuan Subjek**

Metod ini digunakan bertujuan untuk membataskan kajian ilmiah.<sup>(3)</sup> Subjek yang dipilih oleh penulis dalam kajian ilmiah ini ialah Enakmen Keluarga Islam Kelantan 1983.

### **1.5.2 Metod Pengumpulan Data**

Metod ini digunakan untuk mendapatkan data-data yang diperlukan bagi penulisan kajian ini. Hasil daripada pengumpulan data ini akan dapat dijadikan sebagai pentafsiran data dan ia akan dapat dijadikan sebagai fakta. Untuk mendapatkan data-data yang relevan dengan tajuk kajian, penulis menggunakan bentuk kajian perpustakaan (library research).

#### **1.5.2.1 Kajian Perpustakaan**

Kajian perpustakaan ialah kajian yang dilakukan oleh penulis terhadap objek-objek kajian di beberapa buah perpustakaan dengan tujuan untuk mendapatkan data-data dalam bentuk penulisan atau dokumen. Data-data tersebut diperolehi melalui buku-buku, majalah-majalah, jurnal, risalah-risalah, ensiklopedia- ensiklopedia dan seumpamanya sama ada dalam bahasa Malaysia, Arab atau Inggeris. Antara perpustakaan yang telah dimanfaatkan oleh penulis bagi mendapatkan bahan-bahan kajian ialah:

- (i) Perpustakaan Utama Universiti Malaya Kuala Lumpur.
- (ii) Perpustakaan Universiti Kebangsaan Malaysia Bangi.

- (iii) Perpustakaan Universiti Malaya, cawangan Nilam Puri Kelantan.
- (iv) Perpustakaan Awam Pusat Islam Kuala Lumpur.
- (v) Perpustakaan al-Zahra' Kota Bharu, Kelantan.
- (vi) Perpustakaan Islam Negeri Kelantan.

Metod perpustakaan yang digunakan oleh penulis ini adalah melalui metod historis dan metod dokumentasi.

#### **1.5.2.1.1 Metod Historis**

Metod historis ialah satu proses untuk menentukan pendapat yang tepat mengenai sesuatu kejadian. Metod ini digunakan untuk mendapatkan data yang mempunyai nilai sejarah. <sup>(4)</sup>

Penulis menggunakan metod ini dalam usaha untuk mendapatkan data-data penting dalam Bab Kedua dan Ketiga seperti sejarah penguatkuasaan Undang-Undang Keluarga Islam Kelantan.

#### **1.5.2.1.1 Metod Dokumentasi**

Metod dokumentasi ialah satu cara pengumpulan data dengan melakukan kajian terhadap dokumen-dokumen yang ada hubungan dengan subjek penyelidikan. Maksud dokumen ialah bahan bertulis yang dapat memberikan pelbagai keterangan. Antara dokumen itu termasuklah surat-surat peribadi, buku dan catatan harian, surat khabar, gambar-gambar, dan sebagainya. <sup>(5)</sup>



Melalui metod dokumentasi penulis membuat tinjauan mengenai wanita dan hak-haknya, dengan meneliti pelbagai teks, termasuk al-Quran dan al-Hadith. (Ia digolongkan dalam dokumen kerana sifatnya sebagai sumber bertulis dan terjamin keasliannya), begitu juga buku-buku, tesis, ensiklopedia, kamus-kamus istilah, majalah, artikel, kertas kerja seminar, akhbar, dan lain-lain. Metod ini secara umumnya dilakukan dalam bab kedua, ketiga dan keempat.

### **1.5.3 Metod Analisis Data/Penulisan.**

Segala data yang diperolehi memerlukan penelitian dan analisis yang rapi. Untuk tujuan ini penulis menggunakan metod diskriptif yang dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu metod induktif, metod deduktif, dan metod komparatif.

#### **1.5.3.1 Metod Induktif**

Metod induktif ialah cara berfikir dan mencari pembuktian dari hal-hal yang bersifat khusus kepada dalil-dalil yang bersifat umum.<sup>(6)</sup> Metod ini telah digunakan oleh penulis secara keseluruhan dalam kajian ini.

#### **1.5.3.2 Metod Deduktif**

Metod deduktif ialah pola berfikir yang mencari pembuktian berpandukan kepada dalil-dalil umum terhadap hal-hal khusus.<sup>(7)</sup> Penulis menggunakan metod ini dalam Bab Pertama iaitu ketika menghuraikan metodologi, dengan menyebut metod-metod yang digunakan secara umum kemudian menjelaskan pengertiannya dan tempat-tempat penggunaannya secara terperinci. Penulis juga menggunakan

metod ini sewaktu mentafsirkan ayat-ayat Al-Quran dan Al-Hadith Al-Nabawi menurut pentafsiran-pentafsiran ulama' kemudian membuat kesimpulan yang berkesan terhadap pentafsiran yang dikemukakan itu.

### **1.5.3.3 Metod Komparatif**

Metod komparatif bermaksud membuat kesimpulan dengan cara melakukan perbandingan antara data yang diperolehi dalam masa penelitian dilakukan<sup>(8)</sup> supaya kesimpulan atau rumusan dapat dilakukan dengan lebih tepat. Penulis menggunakan metod ini dengan cara mengumpulkan segala data, fakta dan pendapat-pendapat yang berautoriti mengenai wanita dan haknya. Penulis menggunakan metod ini pada Bab Kedua, Ketiga, dan Keempat. Contohnya pendapat-pendapat ulama' mengenai hak wanita terhadap naskah anak. Kemudian penulis membuat perbandingan di antara pendapat-pendapat tersebut.

Itulah antara metod-metod yang telah digunakan dalam penyelidikan ini. Pada keseluruhannya proses penulisan dan analisis data menjadi lebih mudah dan teratur dengan menggunakan metod-metod yang telah diterangkan.

## **1.6 Sumber Data**

Sumber data merupakan punca segala pengetahuan dan maklumat terperinci mengenai sesuatu yang dikumpul dan dijadikan sesuatu asas dalam melakukan sesuatu kajian dan analisis. Ia juga disebut bahan-bahan yang digunakan untuk sesuatu penelitian atau kajian.<sup>(9)</sup> Manakala sumber-sumber yang dipilih untuk kajian mestilah sumber yang dipertanggungjawabkan.<sup>(10)</sup>

Memandangkan kepada kajian penulis adalah bersifat perpustakaan, (library research) maka sumber-sumber data yang diperolehi dalam penulisan disertasi ini adalah berbentuk tulisan.

Dalam melengkapkan penulisan ini, penulis juga menggunakan sumber lisan. Pada keseluruhannya penulisan kajian ini adalah berdasarkan kepada buku-buku, statut, jurnal, majalah, keratan akhbar, dan sebagainya. Ini bermakna selain daripada al-Quran dan al-Hadith, penulis juga menggunakan sumber data yang ketiga iaitu pendapat para ulama' fiqh mengenai sesuatu hukum yang berhubung dengan kekeluargaan untuk dibuat kesimpulan yang berkesan terhadap pendapat yang dikemukakan juga peruntukan hak-hak wanita dalam Enakmen Keluarga Islam Kelantan 1983 khususnya dan dalam akta dan undang-undang keluarga lain untuk dibuat analisis dan kesimpulan.

Metodologi dan sumber data saling berkaitan dan memerlukan antara satu sama lain. Dalam usaha membentuk dan mengadakan sesuatu kajian atau penelitian seseorang pengkaji memerlukan sumber data yang sahih dan bagi mendapatkan sumber data tersebut ia memerlukan metodologi, agar segala usaha yang dilakukan bernilai dan tersusun rapi.

## **1.7 Rangka Penyelidikan**

Perbincangan di dalam kajian ini mencakupi lima bab:

**Bab Pertama** merupakan pendahuluan tesis yang menjelaskan tentang tajuk penyelidikan, skop penyelidikan, tujuan penyelidikan, kepentingan penyelidikan, sumber data, dan rangka penyelidikan.

**Bab Kedua** membincangkan tentang hak wanita dalam Undang-Undang Keluarga Islam mencakupi pengenalan undang-undang keluarga Islam menurut fiqh masa kini dan mengenai konsep undang-undang keluarga, juga menjelaskan hak wanita dalam pertunangan, perkahwinan seperti hak mendapatkan mahr, nafkah, dan layanan serta pergaulan yang baik, hak dalam perkahwinan poligami dan pemilikan harta. Juga menerangkan mengenai perceraian, jenis-jenisnya dan hak-hak wanita selepas perceraian. Sebagai janda wanita berhak terhadap mahr yang belum dijelaskan, hak ruju', nafkah 'iddah dan tempat tinggal, nafkah anak dan mut'ah. Sebagai balu pula wanita berhak mewarisi harta suaminya yang meninggal dunia, juga disebutkan masalah perceraian helah dan pendapat ulama' mengenainya dan sebagai janda dan balu mereka sama-sama mendapat hak untuk berkahwin lagi selepas sempurna 'iddah, menuntut harta sepencarian dan hadanah.

**Bab Ketiga** membincangkan mengenai hak wanita dalam Enakmen Keluarga Islam Kelantan 1983 iaitu sejarah penguatkuasaan Undang-Undang Keluarga Islam Kelantan dan pengenalan tentang Enakmen Keluarga Islam Kelantan 1983 dan peruntukan yang diperuntukkan berhubung dengan hak-hak wanita dari pertunangan, perkahwinan, dan perceraian iaitu menerangkan hak dan kedudukan wanita yang diceraikan secara talaq, tebus talaq, ta'liq, dan fasakh juga hak-hak mereka selepas perceraian iaitu ruju', mut'ah, harta sepencarian, nafkah 'iddah, tempat tinggal, nafkah anak dan hadanah.

**Bab Keempat** membincangkan tentang analisis perbandingan antara hak-hak wanita dalam Undang-Undang Keluarga Islam dan Enakmen Keluarga Islam Kelantan 1983 mencakupi pertunangan, hak-hak dalam perkahwinan dan hak-hak dalam perceraian.

Perbincangan mengenai hak-hak tersebut adalah dilihat berdasarkan pendapat imam-imam mazhab dan penulis telah menganalisis pendapat tersebut dengan mengemukakan hujah dan alasan-alasan menyokongnya. Penulis juga membandingkan dengan peruntukan-peruntukan mengenainya dalam Enakmen Keluarga Islam Kelantan 1983. Sejauh manakah enakmen tersebut memainkan peranannya dalam menjamin hak-hak tersebut.

**Bab Kelima** yang merupakan penutup akan merumuskan perkara-perkara penting yang dibahasakan dalam kajian ini. Di samping itu mengemukakan saranan-saranan penting tentang cara untuk mengatasi masalah yang wujud mengenai tajuk kajian.

## NOTA RUJUKAN

- (1) *Berita Harian*, 11 Mac 1998, hal 4
- (2) *Ibid*
- (3) Winarni Surachmad, Dr. (1970), *Dasar dan Teknik Research Pengantar Metodologi Ilmiah*, Bandung, Penerbitan c.v. Tarsito, hal 84.
- (4) Imam Bernadib (1982), *Arti dan Metode Sejarah Pendidikan*, Yogyakarta, Yayasan Penerbitan FIP-IKIP, hal 52.
- (5) Koentjaraningrat (1991), *Metode-Metode Penelitian Masyarakat*, Jakarta, PT. Gramedia, hal 48.
- (6) Imam Barnadib (1982). *op.cit*, hal. 52.
- (7) *Ibid*
- (8) Abdul Halim Mat Diah (1987), *Suatu Contoh Tentang Huraian Methodologi*, Kuala Lumpur, Fakulti Usuluddin, Akademi Islam, Universiti Malaya, hal 129.
- (9) Imam Barnadib (1982), *op. cit*, hal. 55
- (10) *Ibid*